

**SOALAN-SOALAN LAZIM****MEDIC PLAN****Ciri-ciri dan Manfaat Pelan****1. Apakah itu Medic Plan?**

**Medic Plan** adalah pelan perubatan takaful keluarga boleh diperbaharui tahunan mampu dimiliki yang membayar balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung sekiranya dimasukkan ke hospital, pembedahan dan untuk faedah pesakit luar tertentu selepas menggunakan had deduktibel (jika ada). Tiada jumlah akan dibayar atas kematian peserta.

**2. Apakah deduktibel?**

Deduktibel adalah sebahagian daripada perbelanjaan perubatan yang pelanggan perlu bayar untuk mana-mana satu hilang upaya. Sebagai contoh, jika anda memilih deduktibel RM1,000, anda mesti membayar RM1,000 yang pertama dari perbelanjaan perubatan untuk mana-mana satu hilang upaya. Kami akan menampung baki perbelanjaan perubatan berikutnya untuk tuntutan berkaitan.

Deduktibel dikenakan kepada Manfaat Hospital dan Pembedahan dan Manfaat Rawatan Pesakit Luar (kecuali Manfaat Pembedahan Harian). Deduktibel tidak terpakai kepada Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian, Manfaat Pembedahan Harian dan Manfaat Tambahan.

Deduktibel digunakan pada "Mana-mana Satu Hilang Upaya" dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir keluar dari hospital atau dari tarikh akhir rawatan pesakit luar. Mana-mana hilang upaya berikutnya daripada diagnosis yang sama yang berlaku selepas tempoh 90 hari akan tertakluk kepada Deduktibel baharu.

**3. Apakah itu "Mana-Mana Satu Hilang Upaya"? Bagaimana "Mana-Mana Satu Hilang Upaya" berfungsi?**

Mana-mana satu hilang upaya bermaksud satu penyakit dan kesan-kesannya mengakibatkan anda dimasukkan ke hospital satu kali atau lebih, atau mendapatkan rawatan pesakit luar. Semua kemasukan ke hospital dan/atau rawatan pesakit luar hendaklah dianggap daripada hilang upaya yang sama sekiranya anda belum pulih sepenuhnya dan masih dalam rawatan untuk hilang upaya tersebut dan komplikasinya.

Kemasukan di hospital dan/atau rawatan pesakit luar anda akan dianggap sebagai hilang upaya baru jika anda telah pulih sepenuhnya dan tidak memerlukan sebarang rawatan lagi untuk hilang upaya tersebut untuk tempoh lebih daripada 90 hari selepas tarikh akhir keluar dari hospital atau dari tarikh akhir rawatan pesakit luar untuk hilang upaya yang sama.

**4. Adakah Medic Plan akan membayar perbelanjaan perubatan secara tanpa tunai?**

Tidak, pelan ini membayar perbelanjaan perubatan secara pembayaran balik sahaja.

**5. Berapakah tempoh perlindungan?**

**Medic Plan** boleh diperbaharui sehingga berumur 70 tahun (umur pada tarikh lahir akan datang).

**6. Siapakah yang boleh sertai dalam Medic Plan?**

Anda boleh sertai pelan ini jika anda merupakan warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia yang sedang menetap di Malaysia, berumur dari 19 hingga 45 tahun (umur pada tarikh lahir akan datang).

**7. Bagaimana saya tahu pelan ini sesuai untuk saya?**

**Medic Plan** sesuai untuk anda sekiranya anda mencari pelan perlindungan kesihatan yang memberi sokongan kewangan sekiranya anda dimasukkan ke hospital and menjalani pembedahan atau rawatan pesakit luar. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan diri anda dan sumbangan yang dibayar juga adalah mengikut kemampuan anda.

**8. Bagaimana Medic Plan berfungsi?**

**Medic Plan** adalah pelan berdasarkan konsep takaful di mana peserta pelan ini akan memberikan bantuan bersama kepada peserta yang dalam kesusahan. Anda akan membayar sumbangan setiap tahun. Sebahagian daripada sumbangan anda akan ditolak sebagai Caj Wakalah, iaitu caj bagi perkhidmatan yang diberikan di bawah sijil anda, dan baki akan disimpan di dalam Dana *Tabarru`*, sebagai Potongan *Tabarru`* (derma). Wang yang dikumpul di dalam dana akan digunakan untuk membayar tuntutan yang dibuat oleh peserta. Anda mungkin layak untuk lebihan (jika ada), di mana lebihan dalam Dana *Tabarru`* selepas tolak semua tuntutan yang perlu dibayar dan rizab.

**9. Adakah saya akan menikmati lebihan?**

Anda layak untuk menerima lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas akhir tahun kewangan. Bersama dengan peserta lain, anda layak untuk menerima 50% dari lebihan yang boleh diagihkan dan kami akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan dikreditkan ke dalam akaun anda melalui e-kredit. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Ahli Lembaga Pengarah kami.

Bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan bergantung pada amaun *Tabarru`* yang anda sumbangkan. Walau bagaimanapun, sebarang tuntutan yang dibayar pada tahun kewangan tersebut akan terus mengurangkan dana lebihan yang boleh diagihkan. Oleh itu, bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan dikurangkan/dikeluarkan disebabkan oleh sebarang tuntutan yang dibayar pada tahun kewangan tersebut. Jika jumlah tuntutan yang dibayar atau berbayar kepada anda tidak melebihi amaun *Tabarru`* yang dibayar untuk tahun kewangan tersebut, anda layak untuk menerima lebihan yang boleh diagihkan.

Sekiranya terdapat defisit daripada dana *Tabarru`*, kami tidak akan membayar sebarang lebihan untuk tahun kewangan tersebut. Sebaliknya, kami akan memberi *Qard* (pinjaman tanpa faedah) untuk menampung kerugian tersebut dan akan membawa pinjaman tersebut ke tahun kewangan seterusnya. Kami mungkin akan menggunakan sebarang lebihan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah. Baki yang selebihnya, akan dikira sebagai lebihan yang boleh diagihkan.

Sila klik [sini](#) untuk ketahui lebih lanjut tentang lebihan yang boleh diagihkan.

**10. Bagaimakah saya hendak tahu lebih lanjut tentang ciri-ciri dan manfaat Medic Plan?**

Sila rujuk kepada brosur **Medic Plan** dan Lampiran Keterangan Produk untuk ketahui lebih lanjut.

**Amaun Dilindungi****11. Mengapakah terdapat amaun deduktibel yang berbeza?**

Kami menawarkan tiga (3) pilihan deduktibel untuk memenuhi keperluan anda. Amaun deduktibel yang berbeza akan memberikan jumlah sumbangan berbeza untuk pelan ini

**12. Bagaimakah saya tahu amaun deduktibel yang sesuai untuk saya?**

Ia bergantung kepada kemampuan dan keperluan kewangan anda. Matlamat pelan ini adalah untuk mengurangkan beban anda dan keluarga anda sekiranya berlaku sebarang musibah berlaku kepada anda.

**13. Bolehkah saya menukar amaun deduktibel untuk siiil Medic Plan saya?**

Penukaran jumlah perlindungan adalah tidak dibenarkan. Sila berikan pertimbangan yang sewajarnya kepada amaun deduktibel yang sesuai untuk anda sebelum mendaftar.

**Sumbangan dan Caj****14. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?**

Sumbangan yang perlu anda bayar bergantung pada umur, kelas pekerjaan dan amaun deduktibel yang dipilih. Sila ambil perhatian bahawa sumbangan akan meningkat seiring dengan umur anda pada tarikh lahir akan datang pada setiap ulang tahun sijil. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk contoh kadar sumbangan.

Sumbangan adalah tidak dijamin dan kami mungkin menyemak semula sumbangan dengan memberi notis bertulis 90 hari. Sumbangan yang disemak semula akan berkuatkuasa pada ulang tahun sijil seterusnya.

**15. Adakah sumbangan yang dibayar untuk Medic Plan layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?**

Ya, sumbangan yang dibayar mungkin melayukkan anda untuk perlepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada terma dan syarat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**16. Apakah caj-caj yang ada di bawah Medic Plan?**

Caj *Wakalah* sebanyak 20% akan ditolak daripada sumbangan anda dan baki 80% daripada sumbangan akan dimasukkan ke dalam dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

**17. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan dikenakan untuk Medic Plan?**

SST tidak akan dikenakan untuk Medic Plan. Walau bagaimanapun, sila perhatikan bahawa undang-undang boleh mengenakan atau meningkatkan cukai ke atas sumbangan-sumbangan, atau sebarang pembayaran yang perlu dibayar. Jika demikian, anda perlu membayar cukai pada kadar semasa yang berkenaan.

**Penyertaan dalam Medic Plan****18. Bolehkah saya bertai Medic Plan, jika saya ada masalah kesihatan?**

Medic Plan direka untuk menjadi pelan yang mudah, di mana anda hanya perlu menjawab tiga (3) soalan berkaitan kesihatan. Jika anda mempunyai masalah kesihatan, kami tidak boleh tawarkan Medic Plan kepada anda.

**19. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk bertai Medic Plan?**

Tidak perlu. Anda hanya perlu menjawab tiga (3) soalan berkaitan kesihatan semasa pendaftaran.

**20. Saya mempunyai sijil Medic Plan sedia ada, bolehkah saya bertai lagi?**

Tidak, kami hanya boleh menawarkan satu Medic Plan untuk setiap orang. Jika anda memerlukan perlindungan perubatan dan kesihatan tambahan, sila klik [di sini](#) untuk menetapkan temu janji dengan ejen PruBSN untuk mengetahui perlindungan yang sesuai untuk anda.

**21. Bolehkah saya bertai Medic Plan melalui agen PruBSN saya?**

Tidak, pelan ini adalah penyertaan diri melalui cawangan PruBSN sahaja. Sila melawat mana-mana cawangan PruBSN untuk mendaftar untuk pelan ini atau e-mel borang permohonan yang lengkap kepada [nb.direct.channel.support@prubsn.com.my](mailto:nb.direct.channel.support@prubsn.com.my).

**Tuntutan****22. Bagaimanakah saya hendak membuat tuntutan?**

Sila rujuk [panduan](#) tuntutan untuk Tuntutan Kematian. Secara alternatif, anda boleh email permintaan anda ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan kami di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi - 5.15 petang).

**23. Bagaimanakah saya dapat menyemak status tuntutan saya atau mendapat penjelasan untuk sebarang keraguan mengenai keputusan tuntutan?**

Anda boleh menyemak status tuntutan anda menggunakan cara berikut:

- 1) Hubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang.); atau
- 2) Hantarkan email kepada kami di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my); atau
- 3) Kunjungi cawangan terdekat [kami](#).

**24. Berapakah tempoh tuntutan untuk diproses?**

Biasanya, ia mengambil masa sehingga 14 hari waktu bekerja dari tarikh terakhir dokumen tuntutan yang diperlukan diterima.

**Penamatan, Pembatalan dan Penguatkuasaan semula****25. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?**

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa yang anda kehendaki dengan memberi notis bertulis kepada kami. Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh permulaan, kami akan mengembalikan sumbangan yang telah anda bayar. Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan sijil anda selepas tempoh 15 hari, sumbangan anda tidak akan dikembalikan. Sebaliknya, kami akan terus memberikan perlindungan kepada anda sehingga ulang tahun sijil selepas anda memberikan notis tersebut.

**26. Dalam keadaan apa sijil Lindungi saya akan tamat?**

Sijil ini akan tamat secara automatik (yang mana berlaku dahulu):

- o Pada ulang tahun sijil bila umur anda 70 tahun (umur pada tarikh lahir akan datang); atau
- o Apabila sijil anda telah luput kerana anda gagal membayar sumbangan selepas 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar; atau
- o Pada ulang tahun sijil selepas anda memberi notis pembatalan; atau
- o Apabila anda meninggal dunia; atau
- o Pada ulang tahun sijil berikutnotis Syarat Pengeluaran Portfolio.

**27. Jika sijil Medic Plan saya tamat kerana gagal membayar sumbangan selepas 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar (luput), bolehkah saya menguatkuasakan semula sijil saya?**

Tidak, anda tidak dibenarkan untuk menguatkuasakan semula sijil anda. Oleh itu, ianya amat penting untuk anda membayar sumbangan tepat pada waktunya. Secara alternatif, anda boleh menyertai sijil **Cancer Plan** yang lain. Walau bagaimanapun, tempoh menunggu akan dikenakan jika anda menyertai sijil lain.

**Pembaharuan dan Syarat Pengeluaran Portfolio****28. Adakah Medic Plan pelan pembaharuan terjamin?**

Selepas pembaharuan, kami mungkin mengubah suai terma dan syarat Sijil ini termasuk sumbangan yang perlu dibayar, atau secara khusus mengecualikan syarat atau hilang upaya yang menimbulkan tuntutan terdahulu dengan memberi anda pemberitahuan tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil. Jika tidak, sijil anda akan diperbaharui setiap tahun pada setiap ulang tahun sijil selagi sumbangan dibayar, tertakluk kepada Syarat Pengeluaran Portfolio.

**29. Apakah Syarat Pengeluaran Portfolio?**

Kami mungkin menghentikan pengunderaitan pelan ini dengan memberi anda notis bertulis 30 hari sebelum ulang tahun sijil. Semua manfaat di bawah sijil anda akan berhenti dibayar dari ulang tahun sijil serta-merta selepas tamat tempoh notis 30 hari.